

Chang Tun Kuet/ Penggunaan terapi bermain pasir dalam menangani masalah perhubungan sosial antara rakan dan ahli keluarga murid Tahun Tiga

PENGGUNAAN TERAPI BERMAIN PASIR DALAM MENANGANI MASALAH PERHUBUNGAN SOSIAL ANTARA RAKAN DAN AHLI KELUARGA MURID TAHUN TIGA

Chang Tun Kuet
tkchang_0214@hotmail.com

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau sejauh manakah kaedah penggunaan terapi bermain pasir dapat membantu dalam menangani masalah perhubungan sosial seorang murid Tahun Tiga dengan rakan-rakan dan ahli-ahli keluarganya selain menambah baik amalan saya dalam penggunaan terapi semasa kaunseling. Peserta kajian terdiri daripada seorang murid Tahun Tiga di salah sebuah sekolah kebangsaan di sekitar bandar raya Kuching selain daripada saya. Data kajian dikumpul melalui pemerhatian semasa pelaksanaan sesi kaunseling, analisis dokumen dan temu bual. Data kemudian dianalisis menggunakan analisis kandungan, mengkategorikan data selain menggunakan kekerapan semasa membuat analisis kuantitatif. Proses triangulasi kaedah dan triangulasi sumber telah dilaksanakan untuk tujuan penyemakaman data. Hasil dapatkan menunjukkan bahawa penggunaan terapi bermain pasir berupaya dan berjaya membantu peserta kajian membaiki serta mengeratkan hubungan sosial dengan rakan-rakan dan ahli-ahli keluarganya. Selain itu, terapi bermain pasir turut menambah baik amalan penggunaan terapi bermain pasir semasa kaunseling. Penggunaan terapi bermain pasir boleh diperluaskan penggunaannya dalam masalah-masalah emosi, sosial dan trauma kerana penggunaannya memberi impak positif kepada klien semasa terapi.

Kata kunci: Bermain, terapi bermain pasir, masalah perhubungan sosial, hubungan dengan rakan, hubungan dengan keluarga, sesi kaunseling

Abstract

This study aimed to investigate the extent of sand play therapy in assisting a Year Three pupil overcome social relationship problems with friends and family members. The participant of the study was a Year Three pupil from a primary school in Kuching in addition to the researcher as one of the participants. I have collected data using observation during the implementation of counseling sessions, document analysis and interview. Analysis of data was carried out using content analysis and categorizing of data in addition to frequency for quantitative analysis. Checking of data was done through method and person's triangulation. The findings showed that the used of sand play therapy was successful in helping the pupil improved and strengthened social connections with friends and family members. My practice in using sand play therapy during counseling also improved. The use of sand play therapy can be extended further to other social, emotional and trauma problems since it was found to have positive impact on the client concern during therapy.

Keywords: Play, sand play therapy, social relationship problems, relationship with friends, relationship with family members, counseling session

Pengenalan

Dasar Pendidikan Negara telah menetapkan bahawa semua kanak-kanak berwarganegara Malaysia yang telah mencapai umur enam tahun dan ke atas wajib dihantar ke sekolah rendah untuk mengikuti Tahun 1 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Malah, kanak-kanak mungkin telah pun dihantar ke prasekolah oleh ibu bapa sebelum mereka belajar di sekolah rendah. Oleh itu, sekolah sering dianggap sebagai "rumah kedua" bagi kanak-kanak kerana di tempat inilah mereka akan menghabiskan sebahagian besar masanya bergaul dan berhubung dengan orang lain. Memandangkan sekolah dan rumah merupakan antara dua institusi utama bagi kanak-kanak, maka adalah penting bagi mereka untuk mempelajari bagaimana untuk bergaul dan berhubung dengan kawan-kawan dan ahli keluarga mereka. Namun, bukan semua kanak-kanak dapat bergaul dan berhubung secara baik dengan ahli-ahli keluarga ataupun dengan kawan-kawan mereka. Terdapat kanak-kanak yang akan berkelakuan destruktif, disruptif dan negatif apabila mereka berinteraksi dengan orang lain atas pelbagai sebab. Sesungguhnya, manusia difitrahkan sebagai makhluk sosial dan tidak hidup secara sendirian. Pergaulan kanak-kanak dengan ahli keluarga dan juga rakan sebaya akan mempengaruhi aspek sosial, emosi dan personaliti kanak-kanak sehingga mereka dewasa kelak.

Latar Belakang dan Masalah Yang Dikaji

Saya telah menjalankan praktikum fasa ketiga di salah sebuah sekolah kebangsaan di sekitar bandar raya Kuching. Sepanjang tempoh berada di sekolah tersebut, saya bertemu dengan seorang murid yang bernama Adam (nama samaran) yang menghadapi masalah sosial, khususnya dari segi perhubungan dengan rakan dan ahli keluarganya. Selepas melaksanakan beberapa kaedah mengumpul maklumat awal mengenai Adam, saya bertekad untuk melibatkan Adam sebagai klien saya. Antara kaedah yang dilaksanakan ialah kaedah temu bual, analisis dokumen dan juga pemerhatian. Untuk kaedah temu bual, saya telah menemu bual guru kaunseling, ahli keluarga dan guru-guru yang mengajar Adam untuk memahami apakah masalah sebenar yang dihadapi oleh Adam. Dari segi analisis dokumen pula, saya telah meneliti rekod persekolahan murid, rekod kaunseling individu Adam. Malah, saya telah membuat pemerhatian terhadap tingkah laku rutin Adam dalam bilik darjah.

Daripada pengumpulan maklumat awal berkenaan, saya mendapati Adam sering bersikap tidak sopan dan biadap di rumah. Daripada temu bual dengan guru kaunseling dan juga kakak Adam, saya mendapati Adam langsung tidak menghormati orang tuanya di rumah. Adam suka melawan kata dan bertengkar dengan orang tuanya walaupun dia sendiri yang membuat salah. Bukan itu sahaja, Adam juga berkelakuan nakal di rumah. Dia suka merayau-rayau ke tempat yang berjauhan dari rumah dan melakukan sesuatu tanpa memikirkan keselamatan diri. Sebagai contohnya, Adam suka bermain dan menangkap ikan di tepi sungai, tanpa memikirkan bahawa dia mungkin akan terjerat atau mati lemas. Oleh itu, Adam sering ditegur dan dipukul semasa di rumah. Namun, setelah teguran dan pukulan ini berlanjutan, Adam sudah menganggap bahawa teguran dan pukulan sebagai satu kebiasaan dan sudah sebat dengan kehidupan sehariannya.

Saya juga mendapati Adam tidak disenangi oleh rakan-rakannya dalam kelas. Misalnya, semasa pemerhatian proses pebelajaran dan pengajaran (P&P) guru dalam kelas, tiada rakan-rakan yang ingin bersama dengannya semasa aktiviti kumpulan dijalankan. Tiada kawan yang ingin bermain dengannya. Semasa Adam

duduk di atas kerusi murid lain untuk menyalin sesuatu yang ditulis pada papan tulis, kawannya akan menghalau Adam. Akhirnya, Adam akan duduk bersila dan menyalin di atas lantai, sekali gus menjelaskan salah satu sebab mengapa baju dan seluar Adam kotor sepanjang masa. Lebih teruk lagi, apabila Adam dihalau atau dijauhi oleh rakan sekelas, dia akan bertindak mengganggu dan mengusik rakannya sebagai salah satu langkah untuk melepaskan dendam. Situasi ini menyebabkan Adam sering diadu oleh rakan sekelas, dan dimarahi serta didenda oleh guru. Hasil temu bual dengan rakan-rakan dan guru mendapati Adam juga tidak menghormati guru, suka berdolak-dalih, berkelahi, menimbulkan provokasi dalam kalangan rakan-rakan lain dan menimbulkan masalah lain.

Situasi ini mendorong saya selaku guru mencari jalan untuk membantu Adam menangani masalah perhubungan sosial dengan rakan-rakan dan ahli keluarganya menggunakan salah satu terapi yang telah saya pelajari dalam latihan keguruan saya.

Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau penggunaan terapi bermain pasir (*sandplay*) dalam membantu Adam menangani masalah perhubungan sosial Adam dengan ahli keluarganya dan rakan-rakannya.

Di samping itu, kajian ini adalah untuk meninjau penggunaan terapi bermain pasir dalam menambah baik amalan saya semasa sesi kaunseling.

Soalan Kajian

Secara spesifiknya, kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan kajian berikut.

- Sejauh manakah penggunaan terapi bermain pasir dapat membantu Adam menangani hubungan sosial dengan ahli-ahli keluarganya serta rakan-rakan kelasnya?
- Sejauh manakah terapi bermain pasir dapat menambah baik amalan saya semasa pelaksanaan sesi kaunseling?

Tinjauan Literatur

Terapi Bermain

Freud (1928) dan Melanir Klein (1932) (dalam Bratton, Rhine & Jones, 2005) mengatakan bahawa bermain merupakan satu penggantian kepada aktiviti verbal dalam usaha seseorang yang menggunakan aktiviti bermain mengaplikasikan teknik analisis untuk berinteraksi dengan kanak-kanak. Menurut *FairView Counseling* (2007), terapi bermain merujuk kepada pelbagai jenis kaedah rawatan di mana setiap satu rawatan mengaplikasikan kebaikan daripada alat mainan. Landreth (2012) pula mendefinisikan terapi bermain sebagai satu hubungan interpersonal yang dinamik di antara seorang kanak-kanak dengan ahli terapi yang dilatih dalam prosedur terapi bermain. Ahli terapi tersebut berperanan membekalkan alat mainan terpilih di samping memudah cara perkembangan hubungan yang selamat untuk membolehkan seseorang kanak-kanak meluahkan sepenuhnya serta meninjau tentang dirinya melalui aktiviti bermain. Ini kerana aktiviti bermain merupakan media semula jadi bagi kanak-kanak untuk berkomunikasi ke arah pertumbuhan dan perkembangan optimum.

Menurut Thompson, Rudolph dan Henderson (2004) (dalam Choong, 2010), terapi bermain dapat memberikan kanak-kanak peluang untuk membuat pilihan sendiri tanpa bergantung kepada orang lain; membolehkan mereka melahirkan perasaan tidak sedar dan berdasarkan fantasi; dan membekalkan tempat yang

selamat bagi mereka meluahkan perasaan, memperoleh pemahaman mengenai situasi mereka dan untuk berubah. Lynos-Ruth (2006) (dalam O'Connor & Ammen, 2013) pula berpendapat bahawa terapi bermain dapat menyediakan satu bidang intersubjektif bersama yang mana ahli terapi dapat membantu kanak-kanak mengekspresi perasaan, membuat perbincangan dan menghasilkan semula maksud dan nilai afektif yang penting untuk kanak-kanak dalam menyelesaikan sesuatu masalah menerusi pelbagai cara bermain. Sesungguhnya bermain merupakan dunia yang paling semula jadi bagi kanak-kanak (Homeyar & Morrison, 2008). Hasil penyelidikan Rye (2010) menunjukkan bahawa terapi bermain amat sesuai diaplikasikan terhadap kanak-kanak dan remaja yang berumur antara 3-16 tahun. Dalam terapi bermain, alat mainan sering dianggap sebagai perkataan kanak-kanak, sementara bermain dianggap sebagai bahasa kanak-kanak (Forsyth, 2011).

Menurut Landreth (2012), bermain merupakan sesuatu yang berbentuk sukarela, dimotivasi secara intrinsik, berpusatkan murid dan melibatkan fleksibiliti dalam pemilihan alat mainan, serta berdasarkan bagaimana alat mainan itu digunakan. Tujuan terapi bermain adalah untuk mengurangkan masalah tingkah laku dan emosi yang mengganggu kanak-kanak berfungsi secara normal. Apa yang diharapkan di sini ialah komunikasi dan kefahaman yang bertambah baik dapat diwujudkan antara ibu bapa dengan anak-anak mereka (Lee, Ee, Suppiah & Taquddin, 2012). Tuntasnya, terapi bermain menyediakan satu ruang terapeutik bagi mempromosikan perkembangan kompetensi kritikal dalam regulasi emosi untuk berkongsi serta perbincangan masalah yang dihadapi oleh klien dalam sesuatu hubungan sosial (O'Connor & Ammen, 2013).

Terapi Bermain Pasir

Bradway dan McCoard (1997) mendefinisikan *sandplay* sebagai sejenis pemikiran imaginatif yang aktif, tetapi imej yang digunakan semasa bermain pasir adalah konkret dan maujud. Kuasa terapi bermain pasir akan dapat diperhati keberkesanannya hasil gabungan antara pasir, air, miniator dan kebebasan klien membentuk *sandplay* dalam keadaan yang selamat, bersama dengan ahli terapi yang dipercayai. Menurut Dale dan Wagner (2003) (dalam Campbell, 2004) dan Zhou (2009), bermain pasir merupakan satu teknik psikoterapeutik yang membolehkan klien menyusun miniator dalam dulang pasir untuk menghasilkan satu "dunia pasir" berkaitan dengan pelbagai dimensi sosial klien.

Bermain pasir merupakan salah satu jenis terapi bermain dan aktiviti berasaskan aktiviti bermain inilah yang menyebabkan ia amat popular untuk digunakan dalam konteks sekolah (Campbell, 2004). Antara kebaikan penggunaan terapi bermain pasir termasuklah mengurangkan percakapan yang sering digunakan oleh klien sebagai salah satu cara helah bela diri (Carey, 2008). Zhou (2009) juga menyokong penggunaan terapi bermain pasir untuk mengatasi masalah sosial dan emosi kanak-kanak kerana terapi bermain pasir adalah lebih generik dan dapat dipelbagaikan cara penyampaiannya secara berkesan berdasarkan pelbagai perspektif teoritikal seperti menggunakan pasir, patung, dulang pasir dan sebagainya. Menurut Peridah (2009) pula, penggunaan pendekatan bermain pasir memudahkan proses penerokaan terhadap klien, khususnya melibatkan masalah pergaularan sosial dan faktor keluarga.

Menurut Chiam (2010) pula, antara keistimewaan utama penggunaan terapi bermain pasir termasuklah unsur simbolik, penggunaan deria secara maksimum,

pengurangan mekanisme helah bela diri, pembentukan jambatan bagi menghubungkan zon bawah sedar dengan zon sedar serta dari bukan lisan kepada lisan. Kajian Chiam juga menunjukkan bahawa murid dapat membuat penerokaan dengan lebih mudah, menunjukkan perubahan dari segi nilai dan sikap, serta memberi kesan yang positif kepada aspek pendidik itu sendiri. Forsyth (2011) mempercayai bahawa terdapat beberapa ciri ketika mengendalikan terapi terapeutik bermain pasir ini, iaitu "*inclusion, presence, commitment to dialogue, and dialogue is lived*" (ms 46-47). Pendek kata, *sandplay* akan menyebabkan seseorang bersikap terbuka dan berpeluang untuk menerang semula apa yang telah dilalui, sama ada secara verbal atau non-verbal (Cunningham, 2014).

Kelebihan terapi bermain pasir menyebabkan saya memilih terapi berkenaan sepanjang pelaksanaan sesi kaunseling dalam usaha membantu Adam menyelesaikan masalah perhubungan sosial dengan rakan-rakan dan ahli keluarganya.

Perancangan dan Pelaksanaan Kajian

Perancangan Terapi

Tempoh masa perancangan pelaksanaan terapi bermain pasir mengambil masa kira-kira dua minggu yang meliputi empat sesi, iaitu satu pra-sesi, dua sesi kaunseling dan satu sesi penamatan. Jadual 1 menunjukkan jadual pelaksanaan terapi bermain pasir dalam kajian ini.

Jadual 1

Pelan Tindakan Pelaksanaan Terapi Bermain Pasir

Tarikh	Sesi	Fokus/ Aktiviti yang dirancang	
18 Feb. 2014 (Selasa)	Prasesi	<i>Fokus</i> <i>Aktiviti</i>	Membina hubungan rapuh, penstrukturran, maklumat asas sesi kaunseling. <i>Who am I?</i>
21 Feb. 2014 (Jumaat)	1	<i>Fokus</i> <i>Aktiviti</i>	Hubungan dengan ahli keluarga. Main perang-perang: Siapa kawan siapa lawan?
25 Feb. 2014 (Selasa)	2	<i>Fokus</i> <i>Aktiviti</i>	Hubungan dengan rakan sekelas. Perang Haiwan: Siapa kawan siapa lawan?
28 Feb. 2014 (Jumaat)	Penamatan	<i>Fokus</i> <i>Aktiviti</i>	Rumusan sepanjang sesi. Menyentuh dan merasa pasir

Pelaksanaan Terapi

Prasesi, Membina Hubungan dan Penstrukturran (18 Feb. 2014)

Memandangkan sesi ini merupakan perjumpaan yang pertama dan Adam masih tidak mengenali saya, maka saya telah bertindak menjemput Adam dari kelasnya dan membawa Adam ke bilik kaunseling. Semasa berada di bilik kaunseling, saya berusaha untuk membina hubungan yang positif dengan Adam. Kemudian, saya mula memberitahu struktur sesi kaunseling yang bakal dijalankan, seperti tujuan menjemput Adam ke bilik kaunseling, masa sesi, etika kerahsiaan, peranan saya sebagai guru kaunselor, dan peranan Adam sepanjang sesi kaunseling ini. Seterusnya, saya meminta Adam mengisi borang profil klien. Saya meneruskan sesi dengan mengadakan *ice breaking* dengan Adam dalam bentuk aktiviti *Who Am I*. Sepanjang sesi dijalankan, saya cuba meneroka lebih mendalam mengenai klien dengan mengaplikasikan kemahiran kaunseling yang dipelajari secara teori seperti memberi dorongan minimum, konfrontasi, empati, refleksi isi, refleksi perasaan dan menparafrasa apa yang diperkatakan oleh Adam.

Sebelum prasesi tamat, saya telah meminta Adam selaku klien untuk membantu ahli-ahli keluarganya membuat sekurang-kurangnya satu kerja rumah setiap hari

sehingga pertemuan yang seterusnya. Di samping itu, Adam diminta mengucapkan selamat malam kepada orang tuanya sebelum tidur. Untuk mengetahui sama ada Adam ada melakukan atau tidak, saya telah meminta pertolongan kakaknya untuk menolong memerhatikan adiknya di rumah.

Sesi Terapi Pertama (21 Feb. 2014)

Pada permulaan sesi, Adam diminta bermain “perang-perang”. Adam dikehendaki membentuk pasukan Adam dan pasukan musuh berdasarkan ahli-ahli keluarganya. Saya membekalkan seangkatan askar berbentuk alat-alat mainan dan meminta Adam memilih sembilan orang tentara yang mewakili ahli keluarganya, dan seterusnya membentuk dua pasukan sebelum memulakan permainan perang.

Sepanjang masa Adam menyusun tentera, saya memintanya memberitahu siapa yang diwakili oleh askar yang disusun dan sama ada wakil tersebut sepasukan dengan Adam atau sebaliknya. Setelah siap menyusun barisan atau pasukan sendiri dan barisan lawan, saya meminta Adam bermain “perang-perang”, iaitu “menembak mati” askar pada dulang pasir satu per satu sehingga tinggal Adam seorang sahaja. Setiap kali Adam “menembak mati” seseorang askar, saya bertanya siapakah orang itu dan mengapa Adam berbuat demikian. Kemudian, saya meminta Adam “menghidupkan semula” askar-askar yang telah “ditembak mati” tadi satu demi satu. Seperti sebelum ini, saya juga bertanya siapakah orang berkenaan dan sebab-sebab askar itu “dihidupkan”. Selepas aktiviti bermain pasir, kami berbincang bersama tentang sebab-sebab ahli-ahli keluarga Adam menegur dan memukul Adam. Kami turut membincangkan tentang tingkah laku yang harus ditunjukkan, dan bukannya terus marah dan pukul.

Sebelum sesi ini tamat, saya memberikan beberapa tugas kepada Adam. Saya meminta Adam meneruskan bantuan meringankan beban keluarga dengan membuat sekurang-kurangnya satu kerja rumah di rumah, jangan bergaduh dan patuh kepada arahan orang tua. Tugas baharu yang saya beri kepada Adam ialah Adam tidak keluar bermain pada hari tersebut dan tidak bermain di kawasan yang terlalu jauh dan bahaya pada masa yang akan datang.

Sesi Terapi Kedua (25 Feb. 2014)

Pada permulaan sesi, saya memberitahu Adam bahawa dia akan bermain perang haiwan. Adam diminta menyusun dan membentuk pasukan Adam dan pasukan musuh berdasarkan 16 orang kawan dalam kelasnya. Untuk itu, saya telah membekalkan sekumpulan haiwan berbentuk alat mainan kecil dan meminta Adam memilih 16 ekor haiwan yang mewakili rakan sekelasnya. Sepanjang aktiviti penyusunan, saya berperanan sebagai fasilitator dan mengingatkan untuk menyatakan siapakah yang sedang diletakkan oleh Adam berdasarkan senarai nama kelasnya.

Berdasarkan hasil susunan Adam pada dulang pasir, saya cuba meneroka dan berbincang dengan Adam sebab-sebab dia disukai dan tidak disukai oleh rakan-rakan sekelasnya. Saya turut bertanya bagaimanakah perasaannya apabila ada kawan yang suka dan tidak suka akan dia. Kemudian, saya membimbang Adam dalam mengetahui tentang perbuatan yang akan mengundang kesukaan dan kemarahan rakan-rakannya. Akhir sekali, kami berbincang apa yang harus dilakukan oleh Adam agar kawan-kawannya lebih suka akan dirinya serta perbuatan yang boleh mendapat perhatian kawan dan guru selain daripada melakukan perkara yang diskruptif di dalam kelas. Sepanjang perbincangan, saya hanya memberikan dorongan minimum, mengaplikasikan kemahiran kaunseling

seperti interpretasi, memperuntukkan masa kesenyapan, parafrasa, dan refleksi bagi menggalakkan Adam meneruskan luahan isinya.

Sebelum sesi ini tamat, saya meminta klien menolong ibu bapa membuat kerja rumah dan berbaik-baik di rumah. Akhir sekali, saya memberi tugas baru, iaitu meminta Adam memberikan tumpuan semasa guru mengajar, tidak mengganggu dan mengacau kawan-kawan dalam kelas.

Sesi Penamatan (28 Feb. 2014)

Pada permulaan sesi, saya memberitahu Adam bahawa sesi ini merupakan sesi terakhir kami. Sepanjang penerangan rumusan, saya meminta Adam meletakkan tangan ke dalam dulang pasir dan merasai kelembutan pasir. Saya membenarkan Adam bermain dengan pasir sepanjang saya membuat rumusan. Kemudian, saya membuat rumusan ringkas mengenai apa yang telah dilalui selama dua minggu ini. Saya turut bertanya perasaan Adam sepanjang terapi dan mendengar luahan perasaannya terhadap sesi-sesi terapi yang lepas. Sebelum tamat sesi, saya telah menghadiahkan alat-alat tulis dan sekotak pensel warna kepada Adam dan mengharapkan agar Adam dapat menjaga bahan-bahan yang telah saya berikan kepadanya dengan amanah dan baik.

Kaedah Kajian

Peserta Kajian

Adam merupakan seorang murid lelaki berbangsa Bidayuh yang belajar di kelas 3F. Adam sering dirujuk kepada guru-guru kaunseling oleh guru-gurunya atas pelbagai sebab, seperti masalah keluarga, bergaduh dengan rakan, mengganggu P&P guru dan tidak menyiapkan kerja rumah. Dari segi penampilan fizikal, Adam berbadan besar berbanding dengan rakan-rakan sekelasnya dan mempunyai beberapa batang gigi yang rosak. Adam sering digambarkan sebagai murid yang selekeh dan kotor kerana bajunya tidak bersih, tidak dibutang dengan kemas dan tidak dimasukkan ke dalam seluar yang koyak. Adam mendapat bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di sekolah. Walaupun tidak suka membuat dan menghantar kerja rumah, tetapi sebenarnya Adam telah menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M).

Selain itu, saya juga turut serta sebagai peserta kajian kerana saya melibatkan diri sepenuhnya sepanjang pelaksanaan kajian. Saya ingin mengasah dan menambah baik kemahiran-kemahiran kaunseling saya menerusi pelaksanaan terapi bermain pasir dalam kajian ini.

Kaedah Pengumpulan Data

Analisis dokumen. Analisis dokumen dalam bentuk hasil karya susunan miniator dan alat-alat mainan dalam dulang pasir diteliti sebagai sumber data kajian ini. Saya juga meneliti profil klien, lembaran kerja aktiviti, dan laporan-laporan sesi terapi lepas yang telah saya siapkan sebelum saya meneruskan dengan sesi terapi yang baru.

Pemerhatian. Saya melakukan pemerhatian terhadap Adam semasa dia menyusun alat-alat mainan dalam usaha meneroka dengan lebih mendalam masalah sebenar yang dihadapi olehnya. Sepanjang pelaksanaan sesi terapi, saya telah membuat rakaman suara dan mengambil foto hasil karya klien pada dulang pasir dan ini dilakukan dengan kebenaran klien.

Temu bual. Saya telah berbincang dengan klien sepanjang klien menyusun alat mainan dan bermain pasir. Saya juga telah menjalankan temu bual dengan klien selepas klien siap menyusun alat-alat mainan pada dulang pasir. Selain itu, saya juga telah menjalankan temu bual dari semasa ke semasa dengan guru kaunseling, guru-guru subjek yang mengajar klien serta kakak klien sepanjang tempoh pelaksanaan sesi kaunseling untuk mengumpul maklumat yang lebih sahih dan kukuh mengenai klien.

Kaedah Penganalisisan Data

Analisis kandungan. Saya telah memerhati, menganalisis dan membuat interpretasi hasil kerja akhir Adam yang ditunjukkan pada dulang pasir. Data yang diperoleh dipersembahkan dalam bentuk jadual atau teks. Kaedah ini membantu saya menganalisis semua aspek yang ditetapkan sebelum ini dengan lebih jelas dan teliti.

Mengkategorikan data. Semua kandungan audio perbincangan dan temu bual dengan Adam sepanjang sesi terapi telah dirakam dan ditranskripsikan menjadi bentuk teks dan perkataan sebelum data-data dikategorikan. Data dikategorikan mengikut tema-tema yang sesuai kerana biasanya klien menyatakan atau menjelaskan mengikut apa yang diketahui dan difahaminya, tetapi kurang menfokuskan kepada kehendak saya. Justeru, saya mengkategorikan idea-idea klien saya kepada kategori-kategori yang berbeza, dan seterusnya menjalankan analisis terhadapnya.

Analisis kuantitatif. Kaedah ini telah saya gunakan semasa saya memerhatikan perubahan tingkah laku Adam selepas sesi terapi. Untuk itu, saya telah menyediakan jadual kekerapan dan juga senarai semak tingkah laku. Selain itu, semasa menjalankan terapi bermain pasir, saya menganalisis kekerapan dalam menginterpretasi dan menganalisis hasil kerja Adam menggunakan alat mainan dan miniatur pada dulang pasir.

Kaedah Penyemakan Data

Triangulasi kaedah. Saya telah menggunakan pelbagai kaedah untuk mengumpul data kajian saya, termasuklah kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen sepanjang proses pengumpulan data. Data dari pelbagai kaedah ini disemak untuk tujuan mewujudkan kredibiliti.

Triangulasi sumber. Saya telah bekerjasama dan berkolaborasi dengan pelbagai pihak, termasuklah guru kaunseling, guru-guru mata pelajaran yang mengajar Adam, rakan sekelas Adam dan kakak Adam sepanjang mengumpul dan menyemak data bagi memastikan bahawa data yang telah diperoleh adalah sahih.

Etika Penyelidikan

Saya sentiasa memastikan bahawa saya bersikap berhati-hati dan jujur dalam setiap langkah agar saya mematuhi etika penyelidikan sepanjang masa. Pada peringkat awal, saya telah mendapatkan kebenaran daripada guru besar sekolah berkenaan untuk menjalankan sesi kaunseling dan kajian di sekolah tersebut. Sebelum memulakan sesi terapi dengan klien, saya juga telah mendapatkan kebenaran daripada klien dan ibu bapa klien untuk melibatkan diri dalam kajian ini. Mereka telah menandatangani surat kebenaran sebagai tanda persetujuan penglibatan Adam dalam kajian. Untuk menjaga kerahsiaan dan anomiti identiti klien, saya telah menggunakan nama samaran semasa mendokumentasikan


perkembangan klien. Selain itu, wajah klien pada gambar pada laporan kajian ditutup untuk tujuan kerahsiaan dan anomiti identiti.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

- **Sejauh manakah penggunaan terapi bermain pasir dapat membantu Adam menangani hubungan sosial dengan ahli-ahli keluarganya serta rakan-rakan kelasnya?**

Soalan kajian ini dijawab berdasarkan huraikan pelaksanaan sesi terapi bermain pasir semasa sesi kaunseling seperti yang telah dipaparkan pada Jadual 1. Secaranya umumnya, hubungan Adam dengan ahli keluarga dan rakan-rakannya didapati bertambah baik. Hubungan Adam dengan ahli keluarganya bertambah baik jelas ditunjukkan pada data yang dianalisis selepas sesi terapi pertama pada 21 Februari 2014 berbanding dengan sesi prasesi, membina hubungan dan penstrukturran pada 18 Februari 2014.

Prasesi, Membina Hubungan dan Penstrukturran (18 Feb. 2014). Semasa menjalankan aktiviti *ice breaking*, saya sedikit sebanyak dapat mengumpul maklumat mengenai latar belakang, personaliti diri dan tanggapan klien terhadap ahli keluarganya. Daripada profil klien dan lembaran kerja aktiviti *Who Am I*, saya mengetahui bahawa Adam yang beragama Kristian tinggal di sekitar kawasan Kuching. Hobi Adam ialah melukis dan bermain, sementara warna kegemarannya ialah warna merah. Cita-cita Adam adalah untuk menjadi seorang polis atau askar. Berdasarkan lembaran kerja Adam seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1, saya mendapati tulisan Adam tidak kemas dan bercakar ayam. Kemahiran psikomotor Adam halus belum dikembangkan secara sempurna lagi.



Rajah 1. Lembaran kerja aktiviti *Who Am I*

Semasa Adam menyiapkan lembaran kerja, saya mendapati Adam telah melukis seisi keluarganya. Akan tetapi, Adam melukis bapa, pak cik dan adiknya pada jarak yang sangat jauh. Apabila saya bertanyakan sebab berbuat demikian, Adam memberitahu bahawa dia tidak suka akan tiga orang tersebut. Semasa perbualan, saya juga mendapat tahu bahawa walaupun rumah klien ialah rumah setinggan dan didiami oleh lapan orang, kadang-kala saudara-mara Adam juga akan tinggal bersama-sama di rumah tersebut pada waktu pagi dan petang. Adam turut memberitahu saya bahawa ibu bapanya sering bergaduh kerana masalah kewangan.

Daripada perbualan dan aktiviti yang dilakukan, saya membuat tanggapan bahawa Adam tinggal dalam pesekitaran yang tidak kondusif dan sempit. Situasi ini menjelaskan mengapa Adam suka merayau-rayau di luar rumah daripada berada sahaja di rumah. Terlalu ramai orang yang tinggal bersama-sama dengan Adam. Hubungan Adam dengan ahli-ahli keluarga yang lain juga tidak begitu rapat. Malah, ibu bapa Adam turut menghadapi masalah kewangan. Maka, untuk mendapatkan perhatian atau semasa bergaul, Adam mungkin melakukan perkara yang luar biasa

atau tingkah laku yang lebih berbentuk negatif. Semua aspek dan persoalan ini kemudian saya terokai dengan lebih mendalam pada sesi terapi seterusnya.

Sesi Terapi Pertama (21 Feb. 2014). Sebelum sesi terapi pertama bermula, saya telah bertemu kakak Adam untuk mengikuti perkembangan Adam semasa berada di rumah. Berasaskan maklumat yang diberikan oleh kakaknya, Adam didapati masih bergaduh dengan bapanya atas perkara kecil seperti tidak mandi pagi, tetapi Adam hanya diam sahaja setelah ditegur oleh bapa. Namun, Adam telah menolong ibu bapa membuat kerja-kerja rumah ringan seperti mengambil air, memasak air dan membuang sampah di rumah. Hal ini menunjukkan bahawa Adam ada mendengar nasihat saya dan melakukan tugas yang telah saya amanahkan kepadanya.

Bagi sesi terapi pertama, fokusnya adalah pada hubungan Adam dengan ahli keluarganya melalui aktiviti “main perang-perang”. Adam telah diminta membentuk pasukan Adam dan pasukan musuh berdasarkan ahli keluarganya. Hasil kerja akhir Adam dapat diperhatikan pada dulang pasir seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2. Jadual 2 pula memaparkan penerangan Adam perwakilan askar miniator serta pasukan dalam aktiviti “main perang-perang”.



Rajah 2. Hasil kerja terapi bermain pasir “main perang-perang” Adam

Jadual 2

Penerangan Adam Tentang Hasil Kerja Terapi Bermain Pasir “Main Perang-Perang”

Miniator	Penerangan Klien / Catatan
Askar 1	<ul style="list-style-type: none">Mewakili klien yang berperanan sebagai komander atau ketua perang.
Askar 2	<ul style="list-style-type: none">Mewakili pak cik yang berada di pihak yang sama dengan Adam.Orang ketujuh yang ditembak mati oleh klien kerana pak cik selalu bergaduh dengan mak ciknya.Orang kelapan yang dihidupkan oleh klien kerana pak cik sering memukul dia dengan sangat kuat dan bertenerga.
Askar 3	<ul style="list-style-type: none">Mewakili mak cik yang berada di pihak yang sama dengan Adam.Orang kelapan yang ditembak mati oleh klien kerana mak ciknya pernah memukul klien.Orang pertama yang dihidupkan oleh klien kerana sekarang mak cik tidak lagi pukul klien.
Askar 4	<ul style="list-style-type: none">Mewakili bapa yang berada di pihak yang sama dengan Adam.Orang keenam yang ditembak mati oleh klien kerana selalu marah dan pukul klien.Orang keenam yang dihidupkan oleh klien kerana sekarang bapanya kurang memukul klien lagi.
Askar 5	<ul style="list-style-type: none">Mewakili adik lelaki yang berada di pihak lawan.Orang pertama yang ditembak mati oleh klien kerana adiknya selalu mencubit dan menggigit klien.Orang ketujuh yang dihidupkan oleh klien kerana adik lelaki masih perlukan bantuan dan pertolongan klien.
Askar 6	<ul style="list-style-type: none">Mewakili kakak yang berada di pihak lawan.Orang kedua yang ditembak mati oleh klien kerana selalu pukul klien dengan <i>hanger</i> kerana klien selalu main di luar.Orang keenam yang dihidupkan oleh klien kerana sekarang kakaknya kurang pukul klien.
Askar 7	<ul style="list-style-type: none">Mewakili ibu yang berada di pihak lawan.Orang ketiga yang ditembak mati oleh klien kerana selalu/ pernah pukul klien kerana klien bermain di sungai.Orang ketujuh yang dihidupkan oleh klien kerana ibunya akan meminta tolong klien membuat kerja rumah.
Askar 8	<ul style="list-style-type: none">Mewakili datuk yang berada di pihak lawan.Orang keenam yang ditembak mati oleh klien kerana datuknya selalu pukul klien. Tetapi sekarang tidak lagi memukul klien kerana masalah pergerakan datuknya.Orang ketiga yang dihidupkan oleh klien kerana sekarang datuknya tidak berupaya untuk memukul klien lagi.
Askar 9	<ul style="list-style-type: none">Mewakili nenek yang berada di pihak lawan.Orang kelima yang ditembak mati oleh klien kerana neneknya selalu mencubit klien.Orang kedua yang dihidupkan oleh klien kerana minggu ini neneknya tidak memukul klien.

Hasil daripada susunan bermain pasir Adam menunjukkan bahawa barisan seangkatan dengan Adam termasuklah Adam sendiri, pak ciknya, bapanya, dan mak ciknya. Sementara itu, barisan musuhnya terdiri daripada adik lelaki, kakak, ibu, datuk, dan neneknya. Daripada perbincangan dan cara susunan Adam yang dapat diperlihat pada dulang pasir, saya membuat anggapan bahawa Adam mempunyai hubungan yang lebih baik dengan pak cik, mak cik dan bapanya. Selain itu, Adam juga ingin berpasukan dengan orang yang lebih kuat dalam rumah. Yang lemah dan tidak bertenaga semua dijadikan ahli dalam pasukan lawan. Hal ini menunjukkan klien memerlukan keinginan dan rasa keselamatan yang kuat.

Sepanjang bermain perang-perang, saya meminta klien menembak mati ahli keluarganya satu per satu. Hasil perbincangan menunjukkan klien menembak mati adik lelaki terlebih dahulu, diikuti dengan kakak, ibu, bapa, nenek, datuk, pak cik dan mak cik. Sebab utama klien menembak mereka ialah kerana semua daripada mereka pernah marah dan pukulnya. Setelah saya bertanya sebab mereka pukul dan marah, klien berterus terang bahawa dia sering bermain di luar, nakal dan tidak mendengar kata mereka. Saya bertanya sama ada mereka memukul Adam atas sebab sebab yang munasabah dan adakah tindakan Adam masa itu betul atau tidak? Adam menjawab secara jujur sepanjang pertanyaan. Daripada sana, saya cuba memberi nasihat bahawa tujuan mereka memukul dan memarahi klien adalah kerana mereka sayang dan pentingkan keselamatan klien. Klien mula sedar bahawa perbuatannya adalah tidak betul.

Seterusnya, saya meminta klien menghidupkan semula ahli-ahli keluarga. Klien menghidupkan mak ciknya terlebih dahulu, diikuti dengan nenek, datuk, kakak, bapa, emak, adik lelaki dan akhir sekali pak cik. Saya mendapat bahawa klien menyusun sebegini berdasarkan kekerapan klien dipukul atau dimarahi oleh ahli keluarganya. Daripada sana, saya meminta klien memberitahu saya apa yang harus dilakukan oleh klien kalau klien tidak mahu dimarahi atau dipukul oleh ahli keluarga. Klien berfikir dan memberikan beberapa cadangan yang boleh dilakukan olehnya seperti jangan banyak bermain, berada di rumah, jangan melawan kata orang tua, dan menghormati mereka. Lanjutan itu, klien mengatakan bahawa dia tidak akan bermain di luar pada hari ini.

Sesi Terapi Kedua (25 Feb. 2014). Sebelum memulakan sesi terapi kedua, saya telah membuat susulan tugas yang diberikan pada sesi terapi yang lepas. Perubahan positif mula diperhati apabila kakak Adam memberitahu saya bahawa Adam membantu membuat kerja rumah tanpa disuruh di samping kekerapan Adan bergaduh dan melawan kata orang-orang tua telah berkurangan. Namun begitu, Adam masih suka merayau-rayau di luar rumah dan di pasar walaupun hal ini pernah ditegur oleh ibu bapanya.

Bagi sesi terapi kedua pula, fokus terapi adalah pada hubungan antara Adam dengan rakan-rakan sekelasnya. Untuk aktiviti “perang haiwan”, Adam diminta menyusun dan membentuk pasukan Adam dan pasukan musuh berdasarkan 16 orang kawan dalam kelasnya. Rajah 3 menunjukkan hasil kerja Adam yang dapat diperhatikan pada dulang pasir manakala Jadual 3 menunjukkan penerangan Adam tentang hasil kerja berkenaan.



Rajah 3. Hasil kerja terapi bermain pasir “perang haiwan” Adam

Jadual 3

Penerangan Adam Tentang Hasil Kerja Terapi Bermain Pasir “Perang Haiwan”

Miniator	Penerangan Klien/ Catatan
Lembu (Haiwan 1)	<ul style="list-style-type: none"> Mewakili klien. Klien menjadi ketua dan mengarah seluruh kawasan perang.
Haiwan 2-6	<ul style="list-style-type: none"> Mewakili rakan-rakan sekelas klien yang akan berperang sebarisan dengan klien menentang musuh. Terdapat 5 ekor haiwan yang akan berperang bersama-sama dengan klien. Kebanyakan haiwan pilihan kliennya terdiri daripada haiwan yang dianggap baik dan comel seperti rusa, kuda, laut singa, gajah, dan ikan paus. Klien kata 5 orang rakan ini akan bermain dan bercakap dengannya semasa berada dalam kelas.
Haiwan 7-16	<ul style="list-style-type: none"> Mewakili rakan-rakan sekelas klien yang akan berperang di sebelah barisan musuh klien. Terdapat 10 ekor haiwan yang akan berperang menentang dengan klien. Kebanyakan haiwan pilihan kliennya terdiri daripada haiwan yang dianggap jahat dan ganas seperti dinasor, badak sumbu, ikan yu, dan sebagainya. Klien kata 10 orang murid tersebut tidak akan bermain dan bercakap dengannya semasa klien berada dalam kelas.

Pada sesi ini, klien mengambil masa yang lebih lama untuk memilih dan menyusun haiwan-haiwan pilihan berbanding dengan sesi yang lepas. Kemungkinan besar klien menghadapi konflik yang besar semasa klien memilih dan membentuk pasukan klien dan pasukan lawan semasa aktiviti penyusunan. Menerusi susunan yang dapat diperhatikan pada dulang pasir, didapati bahawa hanya lima orang kawan dari kelasnya yang berkawan baik dengan Adam. Hal ini dapat dilihat berdasarkan susunan klien yang hanya meletakkan lima ekor haiwan yang sama barisan dengannya. Sebaliknya, klien telah meletakkan 10 ekor haiwan di pihak lawan, walaupun klien tahu ia akan memberikan keburukan kepadanya ketika bermain perang kelak. Saya membuat tanggapan bahawa 10 ekor haiwan ini merupakan rakan-rakan sekelasnya yang tidak suka akan klien dan tidak mau berkawan dengan klien.

Saya cuba meneroka lebih mendalam dengan bertanya pendapat mengapa terdapat kawan-kawan yang suka akan klien, tetapi terdapat juga kawan-kawan lain yang tidak suka akan klien. Dari segi sebab klien disukai oleh kawannya, klien memberitahu bahawa klien akan menemani kawannya bermain dan dia akan melakukan apa-apa yang diminta oleh kawan-kawannya. Namun, apabila ditanya sebab klien tidak disukai oleh kawannya, saya dapat membaca bahawa klien tahu antara sebabnya, tetapi klien enggan meluahkaninya. Saya membuat tanggapan bahawa klien merupakan seorang yang sangat defensif dan sedang mempertahankan maruahnya, berdasarkan bahasa verbal dan bukan verbal yang ditunjukkan pada masa itu.

Oleh itu, saya bertindak membimbing klien untuk mengetahui antara kemungkinan yang menyebabkan klien tidak disukai oleh 10 orang murid lain dalam kelasnya. Antaranya termasuklah sentiasa membuli, mengganggu, mengacau dan

mengusik mereka, penampilan diri yang tidak kemas, dan tingkah laku klien yang suka menimbulkan masalah. Klien hanya mengganggu-angguk kepala semasa penerangan saya. Saya membimbang Adam untuk mengetahui bahawa perbuatan mengganggu dan mengusik kawan dalam kelas merupakan perbuatan yang tidak betul. Adam mula sedar bahawa perbuatannya selama ini adalah tidak betul. Saya cuba menyedarkan Adam bahawa dia harus bergaul dengan rakan sekelasnya dengan baik dan tidak boleh bergaduh dengan mereka. Seterusnya, saya memberitahu klien tentang aduan guru yang telah saya terima, iaitu klien selalu tidak menumpukan perhatian dan mengganggu semasa guru mengajar. Klien berterus-terang bahawa dia ingin mendapatkan perhatian daripada guru.

Berdasarkan masalah yang telah dikenal pasti, saya membimbang klien untuk memikirkan apa yang harus dilakukan olehnya agar lebih banyak kawan suka akan klien. Setelah berfikir panjang, klien memberitahu bahawa dia akan meminta maaf, cuba menawarkan pertolongan kepada kawan, tidak akan mengganggu, mengacau, mengusik atau membuli kawan-kawan lain, dan tidak menimbulkan pergaduhan dan masalah dalam kelas. Klien juga berjanji akan menumpukan lebih banyak perhatian semasa dalam kelas dan mengurangkan kadar menyampuk kata-kata guru. Saya boleh melihat bahawa Adam menyesal dan sedang membuat refleksi kendiri yang kritikal terhadap diri sendiri. Saya berharap agar semua yang dijanjikan dikotakannya pada masa akan datang.

Sesi Penamatan (28 Feb. 2014). Sebelum sesi ini dijalankan, saya telah menjalankan pemerhatian dalam kelas untuk memerhati perubahan Adam selepas sesi terapi dijalankan. Berdasarkan pemerhatian saya, Adam menjadi seorang yang pendiam dan tidak lagi kerap mengganggu kawan-kawannya. Saya gembira dengan apa yang saya perhatikan, tetapi saya mempunyai keraguan sama ada ini hanyalah semata-mata lakonan yang ditunjukkan kepada saya. Untuk itu, saya telah mendapat padangan guru-guru yang mengajarnya tentang perkembangan Adam dalam bilik darjah selepas mengikuti sesi terapi. Kebanyakan guru memberikan maklum balas positif tentang Adam, tetapi terdapat juga guru yang mengatakan bahawa mereka masih belum melihat perubahan yang ketara. Walaupun maklum balas sesetengah guru kurang baik, tetapi saya lega kerana terdapat juga guru yang turut dapat memerhatikan perubahan Adam sepanjang dua minggu ini.

Selain itu, saya juga telah bertanyakan murid-murid sekelas dengan Adam tentang perkembangan Adam. Secara umumnya, mereka mengatakan bahawa Adam mula menunjukkan perubahan sikap yang positif dan kini Adam menjadi lebih senang untuk mereka bergaul. Kawan-kawan sekelasnya memberitahu saya bahawa mereka sudi berkawan baik dengan Adam sekiranya Adam bertingkah laku baik dan tidak asyik mengganggu mereka tanpa sebab. Setelah berinteraksi dengan guru-guru dan kawan-kawan Adam, barulah saya lega bahawa sekurang-kurangnya Adam telah mula menunjukkan perubahan positif dari segi pergaulannya dengan rakan-rakannya setelah mengikuti sesi terapi yang lepas.

Seperti sesi-sesi terapi sebelum ini, saya juga telah menanya kakak Adam tentang perkembangan Adam di rumah. Daripada interaksi dengan kakaknya, saya mendapati bahawa Adam menjadi semakin baik dari segi tidak begitu kerap bergaduh dan melawan kata-kata orang tua di rumahnya. Adam juga telah menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru sepanjang minggu tersebut. Walau bagaimanapun, Adam masih kerap merayau-rayau di sekitar rumahnya.

Saya membuat satu rumusan pendek mengenai perkembangan Adam setelah melalui sesi terapi selama ini semasa sesi penamatian. Sepanjang penerangan rumusan, saya meminta Adam meletakkan tangan ke dalam dulang pasir dan merasai kelembutan pasir seperti yang ditunjukkan pada Rajah 4.



Rajah 4. Adam sedang bermain pasir dan
Merasai kelembutan pasir ketika sesi penamatian

Saya membenarkan Adam bermain dengan pasir semasa saya membuat rumusan. Saya dapat memerhatikan perubahan Adam yang positif dari segi pemikiran dan pertuturnya. Saya mendapati bahawa Adam menjadi semakin yakin dan lega untuk membuat perkongsian. Dia sedar akan kekurangan dirinya ketika bergaul dengan ahli keluarga dan rakan sekelasnya dan berjanji akan mengubah sikapnya sedikit demi sedikit. Adam juga telah berubah menjadi semakin bertanggungjawab dan mula membuat dan menyiapkan kerja rumah. Adam sedar bahawa sesi ini merupakan sesi yang terakhir kami. Justeru, sebelum meninggalkan bilik kaunseling, Adam mengatakan bahawa dia sudi dan ingin mendapatkan perkhidmatan kaunseling yang berterusan daripada saya selepas ini.

- **Sejauh manakah terapi bermain pasir menambah baik amalan saya semasa pelaksanaan sesi terapi kaunseling?**

Terapi bermain pasir merupakan salah satu terapi kaunseling yang telah saya pelajari secara teori yang kemudiannya diaplikasikan semasa praktikum. Sepanjang sesi terapi, saya mengalami pelbagai masalah, termasuklah kekurangan alat miniatur dan saiz dulang pasir yang kurang sesuai. Namun begitu, ini tidak menghalang saya untuk meneruskan terapi, sebaliknya membolehkan saya berpeluang untuk meneroka secara kritikal mengenai terapi bermain pasir ini dan membuat sedikit pengubahsuaian secara terancang dan tersusun agar saya dapat mengenali klien saya dengan lebih mendalam lagi sepanjang aktiviti bermain pasir. Selain itu, terapi bermain pasir turut menggalakkan saya mengaplikasikan pelbagai kemahiran bimbingan dan kaunseling yang dipelajari dengan kukuh. Semasa sesi kaunseling, kadang kala saya dapat merasakan bahawa klien seakan-akan menyembunyikan sesuatu dan enggan berkongsi dengan saya. Oleh itu, saya perlu mempraktikkan pelbagai kemahiran dan teknik untuk membimbangi klien bagi meluahkan buah fikirannya. Lantaran itu, penggunaan terapi ini membuat saya sedar bahawa adalah amat penting untuk mewujudkan hubungan yang kukuh dengan klien melalui perkembangan dan penjagaan hubungan terapeutik ke arah perubahan yang positif.

Refleksi

Refleksi Penilaian Tindakan

Penggunaan terapi bermain pasir telah menunjukkan perubahan dan kesan yang positif dalam menangani masalah perhubungan sosial antara klien dengan

rakan-rakan dan ahli keluarga klien. Walau bagaimanapun, saya sedar bahawa kaedah terapi bermain pasir ini juga mempunyai kekuatan dan kelemahannya.

Antara kekuatan terapi bermain pasir termasuklah satu suasana yang menyeronokkan dan selesa bagi klien untuk meluahkan isi perasaan dan masalahnya telah diwujudkan. Semasa Adam menjalankan sesi terapi, dia tidak berasa terlalu beban kerana dia hanya perlu bermain dengan alat mainan dan berbual-bual dengan saya sahaja.

Terapi bermain pasir juga berupaya untuk mengatasi masalah tidak memberi tumpuan kerana klien merupakan seorang cepat hilang tumpuan, tidak dapat duduk lama di atas kerusi dan melakukan sesuatu perkara sahaja buat jangka masa yang lama. Oleh itu, menerusi terapi bermain pasir ini, selagi Adam masih bermain dengan objek-objek mainan yang ada dalam bilik kaunseling, saya tetap dapat meneruskan sesi terapi yang dirancang.

Selain itu, terapi bermain pasir juga mengurangkan peluang klien untuk bercakap bohong atau menggunakan tipu helah atau helah bela diri. Hal ini demikian kerana semua perkara yang hendak diluahkan disampaikan menerusi susunan miniatur pada dulang pasir, dan bukannya secara verbal. Keadaan ini menyebabkan klien menunjukkan fikiran dan masalahnya sendiri secara langsung berdasarkan cara susunannya. Dapatkan kajian ini adalah selari dengan hasil kajian Chiam (2010).

Walau bagaimanapun, terapi bermain pasir juga mempunyai kelemahan yang tersendiri. Kawasan bermain pasir akan menjadi sangat kotor dan tidak tersusun setiap kali sesi terapi dijalankan. Hal ini menyebabkan saya terpaksa meluangkan masa tambahan untuk membersih dan mengemas semua pasir yang terkeluar dari dulang pasir dan alat-alat mainan yang telah diselerakkan. Selain itu, klien juga mungkin akan salah tafsir perkara yang kita minta dilakukan, kerana kadang-kala klien akan mengambil alat mainan yang disukai dan menyusun ikut hati mereka tanpa menghiraukan arahan guru atau tugas yang diberikan. Ini menyukarkan tugas guru kaunseling untuk menganalisis dan menginterpretasi hasil kerja mereka.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Melalui kajian ini, saya lebih memahami prosedur dalam melaksanakan sesuatu sesi terapi kaunseling secara praktikal. Saya belajar bagaimana untuk mengenal pasti masalah yang berlaku menerusi tinjauan awal, memikirkan terapi yang paling sesuai untuk mengatasi masalah tersebut, merancang dan melaksanakan terapi yang dirancang, mengumpul, menganalisis dan menyemak data kajian. Selain itu, saya sedar bahawa peranan guru bukanlah sekadar untuk mengajar semata-mata, tetapi perlu menyelesaikan masalah-masalah sosial dan emosi yang dihadapi oleh murid.

Kajian ini turut telah membantu memperkuuh kemahiran-kemahiran kaunseling saya. Sepanjang pelaksanaan terapi kaunseling, saya sedar bahawa saya masih amat lemah dalam banyak kemahiran kaunseling, seperti kemahiran menyoloal, berkomunikasi, mendengar, merumus dan sebagainya. Oleh itu, saya telah bertindak membaca secara luas dan mendalam mengenai kemahiran-kemahiran kaunseling. Seterusnya, saya cuba memahami dan mengaplikasikan semua ilmu kaunseling yang telah saya peroleh. Bersyukur kepada Tuhan kerana hasil kajian ini menampakkan perubahan klien yang masih positif.

Malah, saya sedar bahawa saya perlu sentiasa membuat refleksi kritikal, merenung kembali apa dan mengapa saya melakukan sedemikian dan memikirkan cara yang lebih baik untuk menyelesaikan masalah yang saya hadapi. Sepanjang kajian ini, saya telah menghadapi pelbagai masalah berkaitan dengan teknik-teknik kaunseling, dan hanya dengan pemikiran yang reflektif dan kritikal sahaja yang dapat menyelesaikan masalah yang saya hadapi. Saya sentiasa mengimbas kembali dan bertindak untuk mengenal pasti masalah, bersedia menyelesaikan masalah serta mengambil tindakan susulan yang bersesuaian dengan masalah tertentu. Sesungguhnya, amalan reflektif ini telah membantu dalam mengeratkan hubungan saya dengan klien saya.

Cadangan Tindakan Selanjutnya

Sekiranya masa mengizinkan, saya bercadang memanjangkan sesi terapi ini kepada enam sesi. Dengan peruntukan masa yang lebih mencukupi, saya dapat meneroka masalah klien dengan lebih mendalam dan menyeluruh, sekali gus dapat merancang aktiviti-aktiviti sesi terapi bermain pasir yang lebih sesuai dalam usaha menangani masalah klien saya. Selain itu, saya turut ingin meluaskan penggunaan terapi bermain pasir ini kepada masalah-masalah sosial, emosi dan trauma yang lain, seperti kes buli, kes dera, masalah kemurungan, dan masalah tidak suka pergi ke sekolah memandangkan hasil dapatan kajian menunjukkan terapi bermain pasir mampu mendatangkan manfaat, impak dan perubahan yang amat positif kepada klien. Diharapkan bahawa dengan memahami masalah klien secara menyeluruh dan teliti, terapi bermain pasir dapat membantu klien mengatasi masalah masing-masing, lantas menjalankan kehidupan dengan lebih gembira, bahagia dan sempurna.

Kesimpulan

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa pendekatan terapi bermain pasir ini telah membolehkan saya mengenali klien saya dengan lebih mendalam lagi. Selepas mengikuti beberapa sesi terapi bermain pasir, Adam mula dapat bergaul baik dengan ahli-ahli keluarganya selepas mengetahui sebab mengapa dia sering ditegur dan dipukul. Namun, Adam masih sering berkeliaran dan merayau-rayau di sekitar kawasan tempat tinggalnya. Kemudian, dengan mengetahui sebab-sebab kawan suka berkawan dan mengapa kawan menjauhinya, Adam juga menunjukkan sikap keinginan untuk bergaul secara baik dengan rakan sekelasnya. Di samping itu, kekerapan Adam mengganggu kawan dan guru semasa mengajar telah berkurangan. Justeru, terapi bermain pasir telah bantu menangani masalah hubungan sosial antara murid dengan ahli keluarga dan rakan-rakannya. Walau bagaimanapun, terapi bermain pasir ini hanya boleh dianggap sebagai salah satu cara untuk meneroka masalah klien dan menggalakkan klien untuk menceritakan semula apa yang telah berlaku sahaja. Sesungguhnya, untuk menyelesaikan masalah dan memberikan alternatif penyelesaian terhadap klien, kita masih memerlukan pelbagai kemahiran bimbingan dan kaunseling yang kukuh dan pelbagai. Roger (1951) (dalam Landreth, 2012) mengatakan bahawa kejayaan atau kegagalan sesuatu terapi adalah bergantung kepada perkembangan dan penjagaan sesuatu hubungan terapeutik antara kaunselor dengan kliennya. Hanya dengan mewujudkan hubungan yang kukuh dengan klien, barulah kita dapat melihat sesuatu perubahan.

Rujukan

- Bradway, K., & McCoard, B. (1997). *Sandplay – Silent workshop of the psyche*. New York: Taylor & Francis Group.
- Bratton, S. C., Ray, D., Rhine, T., & Jones, L. (2005). The Efficacy of play therapy with children: A meta-analytic review of treatment outcomes. *Profesional Psychology: Research and Practice*, 36(4), 376-390. doi: 10.1037/0735-7028.36.4.376.
- Campbell, M. A. (2004). The value of sandplay as a atherapeutic tool for school guidance counsellors. *Australlian Journal of Guidance and Counseling*, 14(2), 211-232.
- Carey, L. (2008). *Sandplay therapy with children and families*. United States of America: Rowman & Littlefield.
- Chiam, S. L. (2010). Mengajar penerokaan kes kaunseling melalui sandplay therapy dalam kalangan bakal Guru Bimbingan Sekolah Rendah. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG KBL*, 4, 59-84.
- Choong, L. K. (2010). *Bimbingan dan kaunseling kanak-kanak*. Selangor Darul Ehsan: Kumpulan Budiman.
- Cunningham, L. (2014, Februari 25). *What is sandplay therapy?* Dimuat turun dari http://www.sandplay.org/what_is_sandplay_therapy.htm
- Fair View Counseling. (2007). *What is play therapy?* Dimuat turun dari <http://www.fairviewcounseling.org/playtherapy.htm>
- Forsyth, D. M. (2011). *The structure and organization of conversations in sandplay therapy*. Tesis Ijazah Sarjana yang belum diterbitkan. South Africa: University of Johannesburg. Dimuat turun dari <https://ujdigispace.uj.ac.za/bitstream/handle/10210/6794/Forsyth.pdf>
- Homeyer, L., & Morrison, M. O. (2008). Play therapy: Practice, issues, and trends. *American Journal of Play*, 210-228.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002, November 27). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/2002: Pelaksanaan Pendidikan Wajib Di Peringkat Rendah 2003*. Dimuat turun dari http://www.moe.gov.my/upload/galeri_awam/pekeliling/2008_BTMK_126_2861_7019.pdf
- Landreth, G. L. (2012). *Play therapy: The art of the relationship* (3rd Edition). New York: Taylor & Francis Group.
- Lee, K. C., Ee, A. M., Suppiah Nachiappan & Taquddin Abd Mukti. (2012). *Bimbingan dan kaunseling kanak-kanak*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar.
- O'Connor, K.J., & Ammen, S. (2013). *Play therapy: Treatment planning and interventions*. United States of America: Elsevier.
- Perihal Mahal. (2009). Pendekatan sandplay dalam menangani masalah pergaulan sosial: Satu kajian kes. Dalam Chuah, K. H. (Penyunting), *Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM BL Tahun 2009* (ms 1-13). Kuching, Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Rye, N. (2010). *Child-centred play therapy*. International Encyclopedia of Rehabilitation. New York: Center for International Rehabilitation Research Information and Exchange (CIRRIE). Dimuat turun dari <http://cirrie.buffalo.edu/encyclopedia/en/article/275>
- Zhou, D. M. (2009). A review of sandplay therapy. *International Journal of Psychological Studies*, 1(2), 69-72.